

Jun Hoong lebih selesa berlatih di China

BERITA HARIAN
30/9/2017 p-93

Bangi: Juara terjun dunia, Cheong Jun Hoong berkata dia lebih selesa menjalani latihan di China, meskipun mengakui Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil, dekat sini, mempunyai kemudahan yang mencukupi.

Pemenang emas acara 10 meter (m) platform wanita di Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest pada Julai lalu itu berkata, kemudahan di negara berkenaan bagaimanapun lebih lengkap berbanding di sini.

“Bagi saya secara peribadi, lebih baik jika latihan diteruskan di China kerana kami akan lebih fokus manakala latihan dan proses pemulihan lebih konsisten serta tidak banyak gangguan.

“Jurulatih belum maklumkan

bila kami akan kembali ke China tetapi dia yang akan uruskan segala-galanya. Saya hanya akan ikut arahan selain memberikan tumpuan untuk pelajaran,” katanya selepas majlis penyampaian insentif kecemerlangan atlet Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Menerima penghargaan

Pada majlis itu, seramai 75 atlet universiti berkenaan menerima penghargaan atas pelbagai kejayaan di dalam dan luar negara membabitkan insentif keseluruhan berjumlah RM76,200.

Jun Hoong, 27, menerima insentif tertinggi iaitu sebanyak RM10,700 selain geran mobiliti

RM10,000 atas kejayaannya pada Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest selain Piala Asia dan Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017).

Penerima lain adalah penerjun senior negara, Leong Mun Yee, Johnathan Wong Guanjie (menembak), Muhammad Hakimi Ismail dan Zaidatul Husniah Zulkifli (olahraga).

Jun Hoong yang mengikuti pengajian Bachelor Komunikasi berkata dia tidak mahu meletakkan sebarang sasaran menjelang Kejohanan Terjun Grand Prix (GP) FINA 2017 di Pusat Akuatik Nasional pada 26 hingga 29 Oktober ini kerana masih dibelenggu masalah kecederaan belakang.



Jun Hoong (kanan) dan Mun Yee memperagakan replika cek yang diterima, semalam.